

SULIT



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BINTULU**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua jam

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **19** halaman bercetak

KARANGAN RESPONSS TERTUTUP / TERHAD
[30 MARKAH]

KAEDAH PEMERIKSAAN

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.
2. Tanda karangan calon seperti biasa sekiranya karangan itu panjangnya antara 150 hingga 200 perkataan.
3. Periksa jawapan calon setakat **210 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
4. Pemeriksa hendaklah memberikan komen pada karangan yang diperiksa.
5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	= Kesalahan isi/ fakta
_____	= Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	= Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	= Kesalahan ejaan yang berulang
○	= Kesalahan tanda baca

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 26-30 (28-30) (26-27)	<p><u>Tema / Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Idea relevan dengan tema bahan rangsangan ● Huraian jelas dan matang. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. ● Penggunaan kosa kata luas dan tepat. ● Unsur bahasa yang digunakan bervariasi ● Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat ● Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru ● Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Pengolahan menarik dan berkesan ● Laras bahasa yang sesuai mengikut tugasan ● Wacananya lengkap. ● Pemerengganan sesuai

	<p>*Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud al-Quran dan lain-lain</p>
<p>Kepujian 20-25 (23-25) (20-22)</p>	<p><u>Tema / Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan dengan tema bahan rangsangan • Huraian jelas. <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa yang sesuai mengikut tugasan • Wacananya lengkap. • Pemerengganan sesuai •
<p>Memuaskan 15-19 (17-19) (15-16)</p>	<p><u>Tema / Tugasan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan. <p><u>Idea</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan • Huraian masih jelas <p><u>Bahasa</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <p><u>Pengolahan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik • Laras bahasa yang masih sesuai mengikut tugasan • Wacananya masih lengkap. • Pemerengganan masih sesuai

SULIT

<p>Kurang Memuaskan 10-14 (12-14) (10-11)</p>	<p>Tema / Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none">• Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none">• Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan• Huraian kurang jelas <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none">• Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat.• Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara• Penggunaan kosa kata terhad• Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi• Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi masih terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none">• Pengolahan kurang menarik• Laras bahasa yang kurang sesuai mengikut tugas• Wacananya kurang lengkap.• Pemerengganan kurang sesuai•
<p>Pencapaian Minimum 01-09 (06-09) (01-05)</p>	<ul style="list-style-type: none">• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.• Idea tidak menepati tema bahan rangsangan• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

PANDUAN PEMARKAHAN**BAHAGIAN A (30 markah)**

1. Format penulisan komen:

T - menepati tema

SULIT

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata dan ayat, kosa kata luas

P - sangat menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **manfaat-manfaat menyertai aktiviti-aktiviti di sekolah dalam kalangan murid**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.

2. Kehendak / tugasannya soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan / manfaat / faedah / kelebihan / kepentingan** menyertai aktiviti-aktiviti di sekolah dalam kalangan murid iaitu:
 - mengembangkan bakat, keyakinan dan potensi diri
 - menambah keceriaan dan keindahan persekitaran sekolah
 - ii. Calon **perlu menyentuh semua bahan** sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
 - iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **manfaat-manfaat menyertai aktiviti-aktiviti di sekolah dalam kalangan murid**-diterima dan disemak seperti biasa.
 - iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan-maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir-maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
 - vi. Sekiranya calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**.
- Jika calon menulis dalam bentuk poin- maksimum peingkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP ENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

BAHAGIAN B : KARANGAN RESPON TERBUKA

[70 Markah]

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B

PERINGKAT	KRITERIA
CEMERLANG 64 – 70 (68– 70) (64 – 67)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugasan. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerengganan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugasan

KEPUJIAN 55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerengganan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas
BAIK 45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Karangan masih menjawab tugas. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengolahan masih menarik • Pemerengganan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas

<p>MEMUASKAN 35 – 44</p> <p>(40 – 44)</p> <p>(35 – 39)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan masih/ kurang menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugasan. Huraian kurang jelas. Contoh kurang sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat kurang gramatis Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan kurang menarik Pemerengganan kurang sesuai. Wacana masih / kurang lengkap. Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan
<p>PENGUASAAN MINIMUM</p> <p>21 – 34</p> <p>(28 – 34)</p> <p>(21 – 27)</p>	<p>Tugasan</p> <ul style="list-style-type: none"> Karangan kurang menjawab tugasan. <p>Idea</p> <ul style="list-style-type: none"> Idea masih relevan mengikut tugasan / bercampur aduk. Huraian tidak jelas / tidak berkembang. Contoh tidak sesuai. <p>Bahasa</p> <ul style="list-style-type: none"> Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. Penggunaan kata kurang tepat. Penggunaan kosa kata umum dan terhad. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda yang ketara. Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <p>Pengolahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Pengolahan tidak menarik Pemerengganan tidak sesuai / tidak seimbang. Wacana tidak lengkap.
<p>TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM</p> <p>1 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami Idea tidak relevan / bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. Pengolahan tidak menarik. Pemerengganan tidak sesuai dan tidak seimbang. Wacana tidak engkap.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

**PANDUAN PEMARKAHAN
BAHAGIAN B (70 MARKAH)**

SOALAN 1

Peningkatan stres dalam kalangan murid semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan bijak. Jika tidak dikawal, stres boleh menjelaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang. Stres dapat ditangani dengan berkesan melalui pengamalan gaya hidup sihat seperti bersenam dan mendapatkan tidur yang mencukupi. Selain itu, murid juga boleh meluahkan perasaan kepada individu yang dipercayai seperti ibu bapa, guru atau rakan karib. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan untuk menangani stres dalam kalangan murid agar dapat melahirkan generasi yang sihat dan produktif.

Sumber: *Internet*

Berdasarkan petikan, huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas beserta cara-cara lain untuk menangani masalah tersebut.

Kehendak / tugasannya soalan:

Calon dikehendaki **menghuraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas beserta cara-cara lain untuk menangani masalah stres dalam kalangan murid iaitu:**

- i. mengamalkan gaya hidup sihat seperti bersenam dan mendapatkan tidur yang mencukupi
- ii. meluahkan perasaan kepada individu yang dipercayai seperti ibu bapa, guru, atau rakan karib serta isi luar yang lain.

Kemungkinan jawapan:

1. Calon membincangkan idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea luar sahaja- maksimum peringkat **KEPUJIAN**
3. Calon membincangkan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK.**

SOALAN 2

“Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu” merupakan salah satu peribahasa yang menggalakkan masyarakat hari ini menjalankan aktiviti pertanian. Pertanian merupakan aktiviti yang boleh menjadi punca rezeki kepada kita. Pada era globalisasi ini, aktiviti pertanian kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat amnya dan khususnya dalam golongan remaja kerana kurangnya galakan menyertai aktiviti pertanian daripada keluarga. Remaja hari ini juga kebanyakannya bercita-cita untuk menjadi seorang pekerja pejabat.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil.9/2022

Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan generasi muda kurang berminat dalam bidang pertanian berdasarkan petikan tersebut.

Kehendak / tugasannya soalan:

Calon dikehendaki **menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan generasi muda kurang berminat dalam bidang pertanian seperti yang terdapat dalam petikan:**

- i. Kurangnya galakan menyertai aktiviti pertanian daripada keluarga
- ii. Aktiviti pertanian tidak mendatangkan hasil yang lumayan
- iii. Kebanyakannya remaja bercita-cita untuk menjadi seorang pekerja pejabat

Kemungkinan jawapan:

1. Calon membincangkan idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan faktor – **terima seperti biasa**
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – **maksimum peringkat KEPUJIAN**
3. Calon membincangkan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – **maksimum peringkat BAIK.**

SOALAN 3

Silat, taekwondo, judo, karate dan wushu adalah antara seni pertahanan diri yang semakin popular dalam kalangan masyarakat kini. Pelibatan remaja terutamanya murid-murid dalam seni bela diri ini merupakan sebahagian daripada langkah yang terbaik untuk membina kecergasan fizikal dan mental. Menyedari hakikat ini segelintir ibu bapa sanggup menggalak dan menghantar anak-anak dalam kelas seni mempertahankan diri sama ada melalui kelas formal atau tidak formal.

Sumber : *Internet*

Selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kepentingan lain mempelajari seni pertahanan diri.

Kehendak / tugas soalan:

Calon dikehendaki **menghuraikan kepentingan mempelajari seni pertahanan diri dalam kalangan masyarakat kecuali kepentingan yang telah dinyatakan dalam petikan.**

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan-maksimum peringkat **KEPUJIAN**
2. Calon menghuraikan idea daripada petikan sahaja-maksimum peringkat **BAIK**

SOALAN 4

E-Sukan atau sukan elektronik ialah pertandingan permainan video secara kompetitif melalui komputer, telefon pintar atau gajet permainan. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, lebih 3 juta pemain aktif e-Sukan di Malaysia. Industri ini menjana pendapatan berjuta-juta ringgit setiap tahun. Kini e-Sukan diterima sebagai salah satu cabang kerjaya baharu. Antara faedah e-Sukan ialah e-Sukan dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan pantas, menggalakkan kerjasama berpasukan dan komunikasi dan membuka peluang kerjaya dalam bidang teknologi dan media digital.

Sumber: *Dewan Siswa Bil.10/2021*

Bincangkan faedah-faedah tersebut.

Kehendak / tugasan soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan **faedah-faedah e-Sukan seperti yang terdapat dalam petikan:**
 - i. meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan pantas
 - ii. menggalakkan kerjasama berpasukan dan komunikasi
 - iii. membuka peluang kerjaya dalam bidang teknologi dan media digital

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikaan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain berkaitan faedah – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.